

Kemenangan Azam Abbas dan Azam Mukhtar bagi Kelas H dan Kelas Bebas memberi harapan kepada skuad silat negara yang menghadapi tekanan daripada Ketua Kontinjen Negara, Haji Kamalul Ariffin Abdul Rahim.

Turut mara ke perlawanan akhir ialah Zaleha Suradi (Kelas E), Haslina Shahrudin (Kelas C) dan Ruzaidi Abdul Rahman (Kelas F).

Sementara itu, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sedia memastikan sekurang-kurangnya lima pingat emas akan diperolehi di perlawanan akhir, esok.

Presiden Pesaka, Datuk Abdul Rahman Mahmood, berkata berdasarkan kewibawaan tujuh pesilat yang mara itu, peluang untuk memenuhi sasaran tetap ada.

"Saya bersyukur dengan kejayaan empat pesilat, hari ini (semalam). Ini bermakna cabaran negara tidak akan berakhir tanpa sebarang pingat emas," katanya.

Beliau mengakui terlalu sukar untuk meraih lebih banyak pingat emas seperti ramalan sesetengah pegawai sebelum ini.

Mengenai arahan oleh MSN supaya Pesaka membuat 'bedah siasat' berikutan kekalahan tujuh pesilat termasuk juara dunia kelas B, Ahmad Wardi Salim, presiden itu berkata: "Masih terlalu awal untuk Pesaka melakukannya. Ini kerana perlawanan sebenar belum berakhir."

29 AUG 1989

B. Harlan (M)